

Hulur Bantuan Biarpun Kecil - Dr Mahathir

Bernama

July 11, 2014

SHAH ALAM, 11 Julai (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu terus menghulurkan bantuan, walaupun dalam nilai yang kecil bagi membantu penduduk Gaza, Palestin yang semakin menderita ditindas Israel, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF) berkata bantuan itu mampu meringankan beban serta membolehkan rakyat Palestin meneruskan kelangsungan hidup.

"Kita (PGPF) ada wujudkan tabung Gaza melalui internet untuk orang ramai salurkan sumbangan...walaupun RM1, semua kita terima.

"Setakat hari ini, kita telah kumpul RM500,000 dan dengan sumbangan ini kita akan bantu penduduk Gaza bagi meringankan beban mereka," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku 'Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA)- Malaysia Is Not For Sale', terbitan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) di Karangkrak di sini.

Turut hadir isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif MTEM Mohd Nizam Mahshar.

Dr Mahathir berkata PGPF akan berusaha meminta pertolongan dari negara-negara jiran Palestin untuk membawa masuk pelbagai bentuk bantuan seperti wang dan bekalan ubat-ubatan supaya dapat disalurkan kepada rakyat Palestin.

"Seperti yang kita maklum terdapat beberapa sekatan tertentu untuk membawa bantuan ini, kalau boleh kita nak hantar pada negara jiran Palestin (untuk disalurkan pada rakyat Palestin) tetapi itu terpulang pada negara jiran tersebut untuk bantu atau tidak," katanya.

Israel telah melancarkan serangan darat ke Gaza dalam operasi yang digelar 'Operasi Perlindungan Sempadan' sejak Selasa lepas.

Sehingga kini, media melaporkan sekurang-kurangnya 81 rakyat Palestin

terkorban manakala ratusan lagi cedera akibat serangan bertubi-tubi roket tentera rejim Israel terhadap Gaza.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053108>